

# Kejohanan labuh tirai



MOHD RIZAL ABDULLAH

## ALOR SETAR

Kejohanan Sepak Takraw Jemputan Kelab-Kelab Antarabangsa melabuhkan tirainya semalam.

Kejohanan berkenaan menyaksikan kemenangan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi Piala Datuk Bandar yang membawa pulang wang tunai RM2,000, piala pusingan berserta medal.

Bagi Piala Exco Belia dan Sukan dan Warisan Kebudayaan, johan berpihak kepada pasukan Terengganu A yang membawa wang tunai RM3,000,

piala pusingan, trofi iringan dan juga medal.

Sementara itu, pasukan Universiti Utara Malaysia All Stars berjaya menumpaskan Royal Navy Thai seterusnya membawa pulang Piala Menteri Besar dan membawa pulang wang tunai RM 5,000, piala pusingan, trofi pusingan dan medal.

Pengurus pasukan UUM All Stars, Shafferi rejab berkata, kemenangan itu akan memberikan semangat kepada setiap peserta untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

"Saya tidak nafikan, pasukan lain juga hebat dan kemenangan pastinya amat bermakna bagi UUM," katanya kepada Sinar Harian.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Perbandaran Alor Setar, Datuk Khazali Din, Exco Belia dan Sukan dan Warisan Kebudayaan,



Debaran bermula semua pasukan berkumpul menanti keputusan.

Datuk Dr Hamdan Mohaméd Khalib dan Pengarah Majlis Sukan Negeri, Syed Khairul Anuar Syed Abidin.

Pertandingan akhir ini turut dimeriahkan dengan kehadiran 100 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mergong yang sedia memberikan paluan kompiang untuk setiap pasukan.



Johan Piala Datuk Bandar disandang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).



Johan Piala Menteri Besar, UUM All Stars berbangga dengan kemenangan mereka.



Johan Piala Exco Belia, Sukan dan Warisan Kebudayaan milik Terengganu A.



Pelajar SMK Mergong memberikan semangat kepada setiap pasukan.



Naib johan Piala Datuk Bandar disandang Pasukan Sukma Perak A.